



SISTEM ePEROLEHAN
PEROLEHAN SECARA TENDER / SEBUT HARGA

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

KENYATAAN TAWARAN

TARIKH IKLAN : 15 JUN 2026 (ISNIN)

Tawaran Tender adalah dipelawa daripada pembekal-pembekal yang berdaftar dengan **KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA (MOF)** dalam kod bidang **060101** seperti di bawah untuk mengambil bahagian di dalam tender berikut:-

BUTIR-BUTIR TAWARAN	JADUAL T/P&P	TARIKH/MASA/TEMPAT TAKLIMAT/LAWATAN TAPAK	SYARAT PENYERTAAN TENDER	KAEDAH PEROLEHAN
<p>[FTA (CPTPP)] Tender Pembekalan Reagen Dan Konsumabel Berserta Peralatan Untuk Ujian Diagnostik <i>Respiratory Rapid Molecular Mycobacterium Tuberculosis (MTB)</i> Di Jabatan Patologi Hospital-Hospital Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) Bagi Tempoh 4 Tahun (Maklumat lanjut sila layari laman sesawang: https://www.moh.gov.my dan MyProcurement) [Tawaran petender dibenarkan dalam BM/ENG]</p> <p>No. Tender : QT260000000003962</p>	94/2026	<p>Tarikh : 18 Jun 2026 (Khamis) Masa : 11.00 pagi</p> <p><u>Secara Atas Talian</u></p> <p>Melalui pautan Google Meet seperti berikut:</p> <p>https://meet.google.com/qgu-xsgo-ams</p> <p>Petender DIWAJIBKAN untuk menghadiri sesi taklimat tender. Kegagalan mengisi Borang Pengesahan Kehadiran semasa sesi taklimat berlangsung akan dianggap tidak menghadiri sesi taklimat tender tersebut.</p>	<p>1) Perolehan ini tertakluk kepada syarat CPTPP seperti berikut:</p> <p>a) Hak Kerajaan untuk mengadakan rundingan tidak dalam apa-apa cara jua mengikat Kerajaan menyetujui terima keputusan rundingan;</p> <p>b) Pelawaan tender ini boleh dipertimbangkan perubahan (tambahan kuantiti/nilai kontrak) dan pelanjutan tempoh kontrak adalah sehingga 50% daripada nilai kontrak asal dan/atau maksimum dua (2) tahun termasuk untuk mengubah atau memendekkan tempoh tender tertakluk kepada peraturan semasa yang berkuat kuasa;</p> <p>c) Harga yang ditawarkan pembida juga adalah tertakluk kepada penentuan Keutamaan Harga (<i>Margin Of Preference - MOP</i>); dan</p> <p>d) Program Kolaborasi Industri (ICP). (jika berkaitan)</p>	Secara ePerolehan

* PERHATIAN : SILA RUJUK DOKUMEN TAWARAN – SYARAT-SYARAT, ARAHAN DAN PENJELASAN BERHUBUNG DENGAN TENDER YANG TERKINI DALAM SISTEM ePEROLEHAN

Telecenter:

**Bahagian Perolehan dan Pensiwaan,
Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 7, Blok E7, Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62590 PUTRAJAYA
No. Telefon : 03-8883 3995 / 3994 / 3991 / 3325**

Waktu pejabat:

ISNIN – KHAMIS

8.00 Pagi – 1.00 Petang
2.00 Petang – 4.00 Petang

JUMAAT

8.00 Pagi – 12.00 Tengah Hari
2.45 Petang – 4.00 Petang

Dokumen Tender boleh disemak mulai **15 Jun 2026 (Isnin)** dengan melayari www.eperolehan.gov.my.

Pembekal yang ingin menyertai tender ini mestilah ePerolehan *enabled*. Sistem ePerolehan mempelawa pembekal secara **Auto Invite**. Hanya pembekal yang mempunyai kod bidang berkenaan sahaja layak menyertai tender tersebut.

Cadangan Teknikal dan Cadangan Kewangan yang lengkap hendaklah dikunci masuk (*key-in*) ke dalam sistem ePerolehan pada atau sebelum **28 Julai 2026 (Selasa), jam 12.00 tengah hari**. Semua dokumen pelawaan, dokumen tawaran dan dokumen sokongan hendaklah dikemukakan secara elektronik dan penyerahan **dokumen secara manual adalah tidak dibenarkan**. Penyerahan secara manual hanya dibenarkan bagi sampel sahaja (jika berkenaan). Pihak tuan adalah dimohon untuk mematuhi Pekeliling Perbendaharaan (PP)/Perolehan Kerajaan (PK) 2.2 perenggan 5.7(iii) dan perenggan 15.1(viii) dibaca bersama PP/PK5.1 Lampiran 4 perenggan 9.2 yang memberi maksud untuk **TIDAK memaparkan nama syarikat pada dokumen teknikal**.

Kementerian Kesihatan Malaysia tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah ataupun sebarang tawaran. Kementerian juga berhak untuk memilih keseluruhan atau sebahagian tawaran tender daripada mana-mana pembida yang menyertai tender.

Tawaran yang lewat tidak akan diterima.

Syarikat/Firma/Koperasi/Pemilikan Tunggal* hendaklah mengambil perhatian bahawa setiap transaksi bagi kontrak yang melibatkan hanya sekali bayaran (*one-time payment*) melalui sistem ePerolehan akan dikenakan fi perkhidmatan pada kadar sebanyak 0.8% dengan had maksimum RM9,600 bagi transaksi yang bernilai RM1.2 juta atau lebih;

Atau

Setiap transaksi bagi kontrak yang melibatkan beberapa kali pembayaran (*multiple payment*) melalui sistem ePerolehan akan dikenakan fi perkhidmatan sebanyak 0.4% dengan had maksimum RM4,800 bagi pesanan bernilai RM1.2 juta atau lebih.

*Yang mana berkenaan

**Ketua Setiausaha,
Kementerian Kesihatan Malaysia**